

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
Y.B. TAN SRI BERNARD GILUK DOMPOK
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**MAJLIS PERASMIAN KURSUS ASAS TEKNOLOGI TANAMAN KOKO
DAN
PENYERAHAN INSENTIF PROGRAM TANAMAN BARU KOKO DAN
LADA**

**DI DEWAN MASYARAKAT SERIAN, SARAWAK
9:30 PAGI, 31 JULAI 2012 (SELASA)**

Yang Berusaha Dr. Lee Choon Hui,
Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia (LKM)

Yang Berbahagia Encik Grunsin Ayom,
Ketua Pengarah Lembaga Lada Malaysia (MPB)

Dif-dif jemputan,

Para Peserta Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko dan Pekebun-
Pekebun Lada

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Koko Malaysia (LKM) dan Lembaga Lada Malaysia (MPB) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko pada pagi yang berbahagia ini. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pekebun-pekebun koko mengenai teknologi tanaman koko dan cara-cara menanam koko yang betul mengikut amalan pertanian yang baik supaya memperoleh hasil yang tinggi dan seterusnya memberi pendapatan yang lumayan.

2. Saya juga dimaklumkan bahawa pada pagi ini, pekebun-pekebun yang menyertai Program Tanaman Baru Koko dan Program Tanaman Baru Lada bagi tahun 2012 akan menerima bayaran insentif bagi kerja-kerja penyediaan kawasan tanaman pada kadar RM1,000 bagi setiap hektar yang diluluskan oleh Kerajaan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan pada hari ini amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil dan sentiasa dengar rintihan dan aduan mereka selaras dengan slogan “ Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Kerajaan sentiasa memberi tumpuan bagi membangun dan memajukan bidang pertanian terutamanya sektor komoditi koko dan lada sebagai salah satu sektor yang penting untuk meningkatkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, dasar, strategi dan program telah digubal dan dilaksanakan dengan matlamat untuk meningkatkan pembangunan industri koko dan lada sebagai pelengkap kepada industri kelapa sawit, getah dan kayu-kayan supaya dapat bergerak serentak bagi memacu pembangunan sosioekonomi serta meningkatkan taraf hidup dan pendapatan penduduk luar bandar khususnya pekebun-pekebun kecil. Dalam hal ini, saya ingin menyarankan kepada pekebun-pekebun supaya tidak segan untuk terus belajar dan mendapat maklumat terbaru mengenai amalan pertanian moden melalui penggunaan teknologi serta teknik baru bagi meningkatkan hasil tanaman.

4. Tanaman koko merupakan antara tanaman komoditi terawal mula ditanam di Malaysia iaitu sejak tahun 1770-an atau 240 tahun yang lalu. Sejak itu, tanaman koko telah berkembang dengan pesat dan memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara. Pada tahun 1989, keluasan kawasan tanaman koko di Malaysia ialah seluas 415,000 hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 247,000 tan. Malaysia pada ketika itu, adalah antara negara pengeluar koko terbesar di dunia.

5. Namun demikian, keluasan tanaman koko negara mulai merosot pada tahun 2000 berikutan persaingan guna tanah dengan tanaman komoditi lain terutamanya kelapa sawit. Pada tahun 2011, kawasan tanaman koko direkodkan seluas 20,543 hektar dengan pengeluaran kira-kira sebanyak 5,000 tan iaitu merosot hampir 70% daripada 16,000 tan pada tahun 2010 disebabkan faktor perubahan iklim dan pertambahan kawasan baru tanaman koko yang masih di peringkat awal tanaman dan belum matang untuk mengeluarkan hasil.

6. Senario pada hari ini, industri koko Malaysia berdepan dengan masalah kekurangan pengeluaran biji koko sedangkan permintaan terhadap biji koko daripada pengisar-pengisar koko tempatan semakin bertambah. Keadaan ketidakseimbangan ini sedikit sebanyak menjejaskan pembangunan industri koko di peringkat hiliran. Pada tahun 2011, Malaysia hanya mengeluarkan kira-kira 5,000 tan biji koko berbanding 300,000 tan biji koko setiap tahun diperlukan oleh pengisar-pengisar koko tempatan. Ini bermakna, Malaysia perlu mengimport sejumlah 295,000 tan biji koko dari negara-negara pengeluar lain terutamanya Indonesia, Cote d'Ivoire dan Ghana. Oleh itu, pada pandangan saya, inilah masa yang paling sesuai bagi pekebun-pekebun

supaya kembali semula menanam koko memandangkan keadaan permintaan terhadap biji koko jauh lebih tinggi berbanding pengeluaran. Berdasarkan prinsip ekonomi, situasi ini sudah tentu akan mendorong kepada peningkatan harga biji koko dalam pasaran dan seterusnya memberi pendapatan lumayan kepada pekebun-pekebun koko.

7. Bagi memastikan pengeluaran biji koko negara terus meningkat dan membantu memenuhi keperluan biji koko daripada pengisar-pengisar koko tempatan, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM17.8 juta pada tahun ini kepada LKM untuk membangunkan 2,000 hektar kawasan baru tanaman koko dan RM8.4 juta untuk memulihkan 1,000 hektar kawasan tanaman koko yang kurang produktif dan terbiar. Bagi menjamin sektor koko terus berdaya saing, Kementerian telah melancarkan Dasar Industri Komoditi Negara (DIKN) bagi tempoh 2011-2020 yang menyediakan kerangka dasar dan pelan hala tuju pembangunan industri komoditi secara holistik termasuk sektor koko untuk terus berkembang maju sederap dengan sektor ekonomi lain. Bagi sektor koko, DIKN telah menetapkan sasaran untuk menambahkan 2,000 hektar setiap tahun kawasan tanaman baru koko supaya keluasan kawasan tanaman koko dapat ditingkatkan daripada 20,543 hektar pada tahun 2011 kepada 40,000 hektar menjelang tahun 2020.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Pada masa ini, tanaman lada merupakan antara tanaman komoditi yang memberi pulangan paling lumayan berbanding komoditi lain kerana harga lada adalah stabil dan berada pada tahap yang tinggi. Pada ketika ini, tanaman lada lebih tertumpu di Negeri Sarawak dengan

keluasan tanaman sebanyak 14,453 ha atau 98% daripada 14,735 hektar kawasan lada di Malaysia. Jumlah pengeluaran lada bagi tahun 2011 ialah sebanyak 25,600 tan di mana 20,480 tan atau 80% adalah lada hitam manakala 5,120 tan atau 20% adalah lada putih.

9. Pada tahun 2011, eksport lada Malaysia berjumlah 14,201 tan dengan nilai sebanyak RM285 juta, meningkat 124 tan atau 1% berbanding tahun 2010. Destinasi utama pasaran eksport lada ialah Jepun, China, Republik Korea, Taiwan dan Singapura. Negara Jepun merupakan destinasi eksport lada yang terbesar bagi Malaysia iaitu 28% daripada jumlah eksport lada Malaysia pada tahun 2011.

10. Bagi memastikan industri lada terus berkembang maju, Kerajaan melalui MPB telah merancang untuk meluaskan kawasan penanaman lada kepada 17,000 hektar menjelang tahun 2015. Ini adalah kerana industri ini mempunyai potensi untuk menjana pendapatan yang tinggi dengan mengambil kira purata harga lada pada tahun 2011 adalah sebanyak RM13,939 setiap tan bagi lada hitam dan lada putih pula adalah sebanyak RM22,691 setiap tan.

11. Untuk menggalakkan lebih ramai pekebun menanam lada, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 3.2 juta untuk membangunkan 227 hektar kawasan baru tanaman lada di Malaysia. Pekebun kecil yang berminat untuk menanam lada diberi bantuan bernilai RM14,000 bagi setiap hektar yang merangkumi bantuan untuk pembersihan kawasan, bantuan bahan tanaman lada berkualiti dan tiang sokongan hidup seperti pokok glicidia, input pertanian serta penganjuran kursus dan latihan teknologi tanaman lada.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Kerajaan melalui LKM dan MPB sentiasa memberi peluang kepada rakyat yang berminat untuk mengusahakan tanaman koko dan lada. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang menyertai program-program yang dianjurkan oleh LKM dan MPB.

13. Program tanaman komoditi seperti koko dan lada di kampung-kampung merupakan salah satu program transformasi Kerajaan di mana rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Pekebun-pekebun yang menanam koko dan lada akan dibimbing dengan pengurusan secara berkelompok atau melalui penubuhan persatuan pekebun kecil dan seterusnya berkembang maju melalui pembentukan koperasi yang menjalankan perniagaan koko atau lada supaya ia akan dapat meningkatkan pendapatan pekebun.

14. Program latihan dan kursus juga disediakan bagi membantu pekebun kecil menghasilkan biji koko kering yang berkualiti gred SMC 1 dan SMC 2 di bawah Skim Pensijilan Kualiti Koko agar mereka mendapat harga yang setimpal dengan harga di pasaran dunia. Kerajaan melalui LKM juga telah mewujudkan Program Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik yang bertujuan membantu petani untuk menjual hasil biji koko kering dengan menawarkan harga yang kompetitif dan mengelakkan penindasan mahupun manipulasi harga oleh pembeli-pembeli.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Pada hari ini, saya dimaklumkan bahawa seramai 113 peserta yang terdiri di kalangan pekebun koko menghadiri Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko iaitu 56 peserta dari Serian dan 57 peserta dari Simunjan. Pada masa ini, keluasan kawasan tanaman koko di Serian adalah 1,161 hektar manakala di Simunjan ialah 444 hektar. Berdasarkan rekod di LKM, terdapat seramai 1,546 pekebun yang mengusahakan tanaman koko di daerah Serian dan Simunjan.

16. Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko anjuran Lembaga Koko Malaysia ini diadakan selama 3 hari. Matlamat utama ialah untuk memperkenalkan teknologi penanaman dan pengurusan koko kepada pekebun-pekebun. Antara teknologi yang akan disampaikan ialah teknik penyediaan kawasan untuk tanaman koko, menguruskan nurseri anak benih koko, sistem tanaman koko, teknik mencantas, membaja, mengawal rumpai dan mengawal perosak. Dengan kemahiran ini, diharapkan pokok-pokok koko yang ditanam nanti akan mengeluarkan hasil buah koko yang berkualiti tinggi dan menjana pendapatan lumayan kepada pekebun-pekebun.

17. Selain itu, LKM dan MPB juga telah mengatur acara penyerahan bayaran insentif penyediaan kawasan di bawah Program Tanaman Baru Koko dan Program Tanaman Baru Lada kepada pekebun-pekebun di daerah Serian. Saya difahamkan seramai 113 orang pekebun koko dan 27 orang pekebun lada akan menerima bayaran insentif ini. Saya berharap penerima-penerima akan dapat memanfaatkan sepenuhnya bantuan yang diberikan oleh Kerajaan demi kebaikan dan kepentingan mereka serta industri komoditi negara.

18. Akhir kata, saya berharap segala usaha yang dilakukan oleh Kerajaan melalui LKM dan MPB, akan berkembang dan tersebar ke seluruh negara dan memberikan manfaat kepada rakyat umumnya dan golongan pekebun khususnya. Syabas dan tahniah kepada LKM dan MPB atas kerjasama menganjur program ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko dan Penyerahan Insentif Program Tanaman Baru Koko dan Lada bagi tahun 2012 peringkat daerah Serian, Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
31 Julai 2012**